

21 MAY 1996

Anwar-Perwaja (Bayaran)

BEBERAPA BAYARAN DAN URUSNIAGA PERWAJA PERLU KAJIAN LANJUT

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kajian lanjut diperlukan terhadap bayaran sebanyak RM76.4 juta yang dibuat oleh Perwaja kepada NKK Corporation, melalui syarikat Frilsham Enterprises Incorporated di Hong Kong yang didapati tidak wujud.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata kajian yang dijalankan oleh firma audit Price Waterhouse terhadap kewangan dan pengurusan Perwaja mendedahkan pembayaran itu adalah antara beberapa bayaran dan urusan niaga yang diragui kesahihannya.

"Kajian itu bagi mendapatkan bukti-bukti yang kukuh," katanya di Dewan Rakyat hari ini ketika menggulung perbahasan usul Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) bagi pihak Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Usul itu dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 6 Mei lepas.

Anwar berkata, arahan pembelian palsu kepada Itochu Corporation bernilai AS\$23.4 juta yang Itochu akan menyediakan pembiayaan juga memerlukan kajian lanjut. Arahan itu dibuat pada September 1994 dan telah dibatalkan oleh pengurusan baru selepas Itochu menafikan bertanggungjawab terhadap pembiayaan pembelian itu.

Selain itu, beliau berkata, siasatan lanjut juga perlu dilakukan terhadap bayaran dan urusan yang diragui kesahihannya seperti berikut:

- + penyalahgunaan pinjaman berjumlah AS\$196 juta bagi pembelian alat-alat kemudahan untuk kegunaan pembuatan besi di Kemaman, Terengganu dan "section mill" di Gurun, Kedah tetapi telah digunakan untuk perkara-perkara lain;

- + skim perumahan kakitangan di Kemaman (121 unit) dan Gurun (114 unit) yang kos pembinaannya lebih tinggi berbanding kos pembinaan bagi jenis dan saiz rumah yang sama; dan

- + bayaran yuran perundangan kepada penasihat undang-undang luar yang dilantik oleh Perwaja, khususnya syarikat VK Lingam dan Lewis & Co. berjumlah RM12.3 juta. Dokumen-dokumen bayaran sebanyak RM4.5 juta kepada Durai Rajasingam Rajaduray, rakan kongsi kepada Lewis & Co, tidak dapat dikesan. -- BERNAMA

AH NMO